



جَبَاتِن كَحَاكِمِينَ شَرْعِيَّةٍ نَكْرِي سَمْبِيلَن

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN



JKSNS.600-1/3/1(27)



21 Rejab 1441H

16 Mac, 2020

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Puan Ketua Pendaftar,
Tuan-Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan / Puan Penolong Pendaftar
Semua Kakitangan JKSNS

**ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI SEMBILAN
BIL. 3 TAHUN 2020**

**Penularan COVID -19 : Prosedur Pegurusan Kes dan Sebutan Kes
di Mahkamah Terbuka serta Prosedur berurusan dengan pelanggan**

Saya ingin menarik perhatian YA/ Tuan/ Puan/ berhubung Prosedur Pegurusan Kes dan Sebutan Kes di Mahkamah Terbuka serta Prosedur berurusan dengan pelanggan berikutan penularan wabak COVID -19 yang sangat meluas buat masa ini. Jabatan ini bersetuju untuk mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan risiko jangkitan dan wabak di kalangan kakitangan dan pelanggan Mahkamah. Setiap kakitangan di jabatan ini hendaklah mematuhi prosedur berikut :

- a) Semua pengurusan kes dan sebutan kes (yang melibatkan kehadiran pihak-pihak dalam Mahkamah) hendaklah didengar di Mahkamah Terbuka.
- b) Semua kakitangan yang bertugas di kaunter dan yang berurusan dengan pelanggan Mahkamah hendaklah memakai penutup mulut dan hidung (*mask*).
- c) Kesemua Kes *Sulh*/ Runding cara BSK/ Majlis *Tahkim* (yang melibatkan kehadiran pihak-pihak di hadapan Pegawai *Sulh*/ Pegawai BSK/ *Hakam*) ditangguhkan sehingga ada arahan selanjutnya.


KOMPLEKS KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN
1054A, JALAN SENDAYAN, 71950 BANDAR SRI SENDAYAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7812555 Faks : 06-7812400 (Perundangan) | Tel : 06-7812444 Faks : 06-7812424/2525 (Pentadbiran Am)
Email : jksnns@esyariah.gov.my | Laman Web : <http://jksns.ns.gov.my>

- d) Menggunakan cecair pembasmi kuman (*Hand Sanitizer*) atau mencuci tangan dengan air dan sabun sebelum dan selepas berurusan dengan pelanggan Mahkamah.
- e) Memastikan jarak kedudukan antara pegawai dengan pelanggan hendaklah sekurang-kurangnya (1) satu meter ketika berurusan di Mahkamah.
- f) Semua bengkel/ kursus/ mesyuarat/ lawatan dari pihak luar hendaklah ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang dimaklumkan.
- g) Kakitangan yang demam/ mengidap batuk perlu memaklumkan ketidakhadiran bertugas tanpa hadir ke pejabat.

Arahan Ketua Hakim ini berkuatkuasa serta merta.

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' ABAS BIN NORDIN)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Sembilan Darul Khusus